

25 OCT 1996

Belanjawan-Penswastaan

GARIS PANDUAN PASTIKAN SWASTA LAKSANA TANGGUNGJAWAB SOSIAL

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU) sedang menyediakan garis panduan untuk memastikan syarikat-syarikat konsesi utama projek penswastaan melaksanakan tanggungjawab sosial mereka.

Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 1997 hari ini berkata mereka dikehendaki memainkan peranan lebih aktif dalam pembangunan sosio-ekonomi.

"Garis panduan itu digubal untuk memastikan syarikat berkenaan melaksana tanggungjawab sosial secara telus seperti menyediakan kemudahan desa, meningkatkan latihan kemahiran dan bertindak sebagai perangkai dan pemangkin pertumbuhan wiraswasta baru, terutamanya di kalangan Bumiputera.

"Sementara perniagaan mereka harus berdaya maju dan lumayan, namun ruang legar tanggungjawab sosial harus dipikul bersama," katanya.

Menurut beliau, usaha tersebut pasti gagal jika peluang penswastaan dieksploitasi tanpa mengambil kira tanggung jawab sosial.

"Gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, umpamanya, supaya penjana elektrik persendirian (IPP) menyeragamkan kadar bayaran diambil perhatian segera supaya tidak membebankan Tenga Nasional Berhad dan pengguna." kata beliau.

Sementara itu, Anwar berkata sehingga bulan lepas, kerajaan telah menjimatkan RM96.2 bilion dari segi perbelanjaan modal melalui penswastaan 401 projek. Seramai 98,000 anggota awam juga telah dipindahkan ke sektor swasta dalam tempoh yang sama. -- BERNAMA

HJ WAT